

# Unisel tumpuan tokoh akademik sains Islam sedunia

**S**HAH ALAM: Universiti Industri Selangor (Unisel) yang meraikan ulang tahun ke-10 hari ini melangkah gagah ke arena akademik antarabangsa apabila terpilih sebagai penganjur dan tuan rumah Persidangan Perhimpunan Agong Sains Akademi Sains Dunia Islam (IAS) Tahunan 2009 pada 14 hingga 17 Disember ini di Shah Alam, Selangor.

Naib Canselor Unisel, Datuk Dr Rosti Saruwono berkata, pemilihan Unisel adalah satu pengiktirafan kepada universiti sekali gus mengangkat martabat universiti pada peringkat antarabangsa melalui pembangunan program akademik dan pembangunan insan.

Beliau berkata, seminar antarabangsa tahunan itu bakal mengumpulkan lebih 300 tokoh akademik sains Islam semasa bagi membincangkan pencapaian sains dan bioteknologi Islam.

Ia persidangan yang ke-17 diadakan dan pada tahun lalu persidangan IAS diadakan di Kazan, Tatarstan.

"Unisel selaku tuan rumah bersama Akademi Sains Hayat dan Bioteknologi Islam Antarabangsa (IIALSBI) amat

berbangga dengan penghargaan dan kepercayaan yang diberikan oleh IAS beribu pejabat di Jordan.

"Persidangan ini memberi peluang kepada semua saintis Unisel dan saintis Islam di negara ini mendekati tokoh sains Islam antarabangsa yang terkenal dan mendapat pendedahan dengan lebih menyeluruh perkembangan sains dalam dunia Islam," katanya ketika ditemui.

Katanya, persidangan empat hari itu memberi tumpuan kepada keselamatan makanan, polisi S&T, teknologi terbaru, pemindahan teknologi, sumber manusia S&T, kesihatan dan nutrisi; pendidikan sains, bioteknologi, tenaga, alam sekitar dan pembangunan, sumber air, teknologi maklumat, nano teknologi dan sumber asli.

Selain Unisel, empat lagi universiti tempatan yang turut mengambil bahagian dalam pameran saintifik pada persidangan yang sama ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).